




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj Kami : JKNPP/03/08/1/Jld. 17(75)

Tarikh : 5 Disember 2024
3 Jamadilakhir 1446H

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato'/YBhg. Dato'/YAA/Dr./Ir./Tuan/Puan,

**TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2025
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 105 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024, pembayaran emolumen tahun 2025 Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi peraturan pembayaran emolumen seperti berikut:

3.1 Pembayaran Melalui Sistem Emolumen Berkomputer (iSPEKS)

- 3.1.1 Memastikan data Perubahan Gaji (Kew. 320) dikunci masuk melalui sistem iSPEKS mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **Lampiran 2**;
- 3.1.2 Memastikan semua arahan bagi potongan emolumen adalah lengkap dan tepat dengan nama, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan potongan; dan
- 3.1.3 Menyemak ketepatan maklumat pada laporan Fail Induk Gaji merangkumi dan membuat pelarasan dan pembedaan dengan serta merta sekiranya perlu.

3.2 Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari

Memastikan pembayaran emolumen diproses bermula pada 1 hari bulan atau hari pertama bekerja bulan berikutnya dan tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.

Ruj Kami : JKNPP/03/08/1/Jld. 17(15)

Tarikh : 5 Disember 2024
3 Jamadilakhir 1446H


4. Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pembayaran emolumen dilaksanakan melalui Sistem Emolumen Berkomputer (iSPEKS) kecuali bagi kes-kes tertentu. Pembayaran emolumen hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa. Sebarang perubahan pembayaran emolumen hendaklah dibuat melalui Borang Perubahan Gaji (Kew 320) yang disokong dengan dokumen yang berkaitan.

5. Sila hubungi Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) di talian 04-6505189/04-2623505 samb.115 untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

**JADUAL PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2025**

BULAN	BAYARAN		CATATAN
	TARIKH	HARI	
JANUARI	20.01.2025	ISNIN	Tahun Baru Cina 29 & 30 Januari 2025 (Rabu & Khamis)
FEBRUARI	24.02.2025	ISNIN	
MAC	24.03.2025	ISNIN	Hari Raya Puasa 31 Mac & 1 April 2025 (Isnin & Selasa)
APRIL	22.04.2025	SELASA	
MEI	22.05.2025	KHAMIS	Hari Pesta Keamatan 30 & 31 Mei 2025 (Jumaat & Sabtu)
JUN	23.06.2025	ISNIN	Hari Gawai 1 & 2 Jun 2025 (Ahad & Isnin) Hari Raya Haji 7 & 8 Jun 2025 (Sabtu & Ahad)
JULAI	22.07.2025	SELASA	
OGOS	22.08.2025	JUMAAT	
SEPTEMBER	22.09.2025	ISNIN	
OKTOBER	16.10.2025	KHAMIS	Hari Deepavali 20 Oktober 2025 (Isnin)
NOVEMBER	20.11.2025	KHAMIS	
DISEMBER	18.12.2025	KHAMIS	Hari Krismas 25 Disember 2025 (Khamis)

*Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa

TARIKH PERUBAHAN GAJI (KEW. 320)
BAGI TAHUN 2025

	PERUBAHAN GAJI (KEW .320)	
BULAN GAJI	TARIKH MULA	TARIKH AKHIR
JANUARI	02.01.2025	10.01.2025
FEBRUARI	24.01.2025	07.02.2025
MAC	25.02.2025	07.03.2025
APRIL	25.03.2025	10.04.2025
MEI	23.04.2025	02.05.2025
JUN	26.05.2025	09.06.2025
JULAI	24.06.2025	05.07.2025
OGOS	23.07.2025	01.08.2025
SEPTEMBER	25.08.2025	04.09.2025
OKTOBER	23.09.2025	01.10.2025
NOVEMBER	27.10.2025	04.11.2025
DISEMBER	21.11.2025	01.12.2025

*Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa